



PENGENALAN PIALA HANG TUAH

Buat kali pertama dalam sejarah kejuaraan Silat, Piala Hang Tuah diperkenalkan sebagai hadiah kepada negara yang menjadi juara keseluruhan dalam silat seni mahupun silat olahraga. Terdapat lima unsur dalam piala ini berasaskan tingkat demi tingkat yang memperlihatkan penujuan ke arah kecemerlangan dalam dunia persilatan.

TAPAK: *SILA 7*

Berbentuk bulat membawa maksud asas kepada ilmu persilatan yang menandakan bulat tekad, keazaman dan kesatuan di dalam perguruan. "Bulat air kerana pembetung, bulat tekad kerana muafakat".

SILINDER:

Menandakan tiang sebagai simbol kekuatan dan pegangan dalam ilmu dan ketaatsetiaan kepada perguruan. Dalam silat seni, tiang ini juga melambangkan pegangan kepada agama dan ciri-ciri kerohanian.

KERIS:

Tiga bilah keris terpacak melambangkan tiga anggota pendiri Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) iaitu Indonesia, Malaysia dan Singapura. Keris juga melambangkan kuasa dan kedaulatan Dunia Melayu atau rantau Asia Tenggara yang amat dikaitkan dengan kerajaan dan pemerintahan serta sifat keluhuran kesenian serantau.

DUNIA: *B. Harian (M)*

Menandakan silat mempunyai masa depan cemerlang dan mampu berkembang menjadi sebahagian Warisan Seni Universal melampaui batas-batas sempadan geo-politik negara-negara pewaris. Usaha-usaha pembangunan dan penggalakan silat hanya boleh dilakukan bermula dari bawah dengan kesungguhan, keazaman, semangat dan cita-cita yang akan membawa kejayaan.

SIMBOL PESILAT:

Adalah simbol silat yang menunjukkan suatu gerak dan seni silat. Ia juga menandakan kecemerlangan yang menunjangi hasil kejayaan dan usaha-usaha pembangunan silat. Gerak ini juga menunjukkan bahawa silat adalah untuk semua dan menuju ke satu arah yang tepat dengan matlamat yang jitu.